SILVERSTONE BHD A

lwn.

RAMAL MUTHUSAMY

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING B
ZAKARIA SAM H
[RAYUAN SIVIL NO: 16-5-2003]
29 APRIL 2009

UNDANG-UNDANG BURUH: *Pekerjaan - Cuti sakit bergaji - Sijil cuti sakit dikeluarkan oleh klinik di luar panel klinik syarikat dan tiada surat penjelasan bertulis diberikan pekerja mengikut peraturan syarikat - Sama ada pekerja berhak untuk cuti sakit bergaji - Sama ada keperluan syarikat untuk surat penjelasan bertentangan dengan s. 60F Akta Kerja 1955 - Sama ada klinik kerajaan dikecualikan daripada aplikasi s. 60F(1)(b) - Sama ada potongan gaji cuti sakit wajar dan adil - Sama ada potongan gaji cuti sakit boleh dibuat dalam bulan selepas bulan cuti sakit diambil* C D

Responden ialah seorang juruteknik peralatan yang bekerja di syarikat perayu semenjak 1995 dengan gaji RM600 sebulan. Responden mendapati bahawa perayu telah memotong gajinya sebanyak RM92.86 dalam bulan Februari 2003 bagi dua hari cuti sakit yang diambilnya dalam bulan Januari 2003. Perayu membuat potongan tersebut atas alasan sijil cuti sakit bagi dua hari tersebut dikeluarkan oleh klinik kerajaan yang bukan dalam klinik panel perayu dan tiada surat penjelasan bertulis diberikan kepada perayu bagi rawatan luar panel itu seperti yang dikehendaki oleh peraturan syarikat perayu. Responden tidak puas hati lalu melaporkan perkara tersebut kepada Pejabat Buruh. Pejabat Buruh memihak kepada responden dan memutuskan, antara lain, bahawa peraturan syarikat perayu mengkehendaki surat penjelasan tersebut bertentangan dengan s. 60F Akta Kerja 1955 ('Akta'). Perayu diperintahkan membayar responden potongan gaji tersebut. Maka, rayuan perayu. E F G

Diputuskan (membenarkan rayuan): H

(1) Sijil cuti sakit responden ditolak khususnya kerana tiada surat penjelasan yang diberikan kepada perayu bagi rawatan diluar klinik panel perayu yang diambilnya. Permintaan untuk surat penjelasan mengikut polisi dan prosedur syarikat perayu. I

A Walaupun responden menafikan pengetahuan mengenai prosedur tersebut, namun beliau mengakui diminta untuk memberikan surat penjelasan. Maka, adalah jelas bahawa perayu menolak sijil cuti sakit responden bukan kerana ianya dikeluarkan oleh klinik luar panel perayu tetapi kerana
B responden enggan memberikan surat penjelasan kepada responden. Tanpa surat penjelasan tersebut, perayu tidak akan tahu apakah jenis atau keadaan kesakitan responden yang mewajarkannya mendapat rawatan dari luar klinik panel perayu dan ianya mengikut bahawa perayu tidak akan dapat
C mempertimbangkan bayaran gaji untuk dua hari tersebut. (perenggan 12-16)

(2) Berdasarkan keterangan pekerja-pekerja lain, adalah amalan perayu bagi mendapatkan surat penjelasan sekiranya sijil cuti
D sakit dikeluarkan oleh klinik luar panel perayu dan arahan tersebut adalah dipatuhi oleh pekerja-pekerja. (perenggan 17)

(3) Responden tidak berhak menerima gaji untuk dua hari cuti sakit tersebut kerana perayu tidak meluluskannya. Disebabkan
E gaji dua hari tersebut telah dibayar kepada responden melalui gaji bulan Januari 2003 yang telah disediakan lebih awal, maka ia boleh diperolehi semula secara potongan dari gaji bulan Februari 2003. (perenggan 18 & 19)

(4) Dari definasi "wages" di dalam s. 2(1) Akta, gaji adalah
F bayaran untuk kerja yang telah dilakukan. Dalam kes semasa, responden tidak melakukan kerja untuk dua hari tersebut dan cuti sakit dua hari itu tidak diluluskan perayu. Maka, responden tidak berhak untuk mendapat gaji bagi dua hari itu. Potongan yang dibuat merupakan kutipan balik bayaran lebihan
G yang dibayar untuk dua hari itu di mana responden tidak melakukan kerja. Ini selaras dengan s. 24(2) Akta. (perenggan 21-24)

(5) Section 60F(1)(b) Akta tidak mengecualikan klinik kerajaan
H melainkan klinik kerajaan dilantik sebagai klinik panel yang mana dalam kes ini bukan sedemikian. Tambahan pula, kes semasa berkaitan dengan isu bahawa tiada surat penjelasan yang diberikan kepada responden tentang pengambilan sijil cuti sakit dari klinik luar panel perayu. Sekiranya ada surat
I penjelasan dari responden, kemungkinannya cuti sakit tersebut akan diterima. (perenggan 27)

(6) Terpulang kepada perayu sama ada hendak mengambil tindakan tunjuk sebab ataupun memotong gaji terhadap responden. Surat tunjuk sebab adalah lebih serius daripada pemotongan gaji. Perayu memang meminta responden memberikan surat penjelasan tetapi responden yang enggan memberikannya. Oleh itu perayu tidak boleh dipersalahkan. (perenggan 29)

(7) Polisi dan prosedur cuti sakit yang diamalkan syarikat perayu tidak bertentangan dengan s. 60F(1)(b) Akta. Tanpa surat penjelasan dari responden adalah sukar bagi perayu memutuskan sama ada jenis atau keadaan penyakit responden tidak mewajarkannya mendapatkan rawatan dari klinik dalam masa atau jarak yang munasabah. (perenggan 30)

Kes-kes yang dirujuk:

Asia Motor Co (KL) Sdn Bhd v. Ram Raj & Anor [1985] 1 LNS 34 FC ***(dirujuk)***

Kuala Lumpur Kepong Bhd v. Subramaniam Sinnappan & Ors [1998] 5 CLJ 338 HC ***(dirujuk)***

M/s Viking Askim Sdn Bhd v. National Union of Employees in Companies Manufacturing Rubber Products & Anor [1991] 1 CLJ 552; [1991] 3 CLJ (Rep) 195 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Employment Act 1955, ss. 2(1), 24(1), (2)(a), 60F(1)(b)

Bagi pihak perayu/defendan - T Selvadoray; T/n T Selva & Co

Bagi pihak responden/pengadu - K Kalithazan; T/n SK Charanjit, Izam & Co

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Zakaria Sam H:

Rayuan

[1] Ini adalah rayuan oleh perayu/defendan yang tidak berpuashati dengan keputusan Pegawai Tenaga Kerja, Jabatan Tenaga Kerja Taiping yang memerintahkan defendan membayar kepada pengadu bayaran cuti sebanyak RM92.86.

A **Fakta Kes**

[2] Responden telah dilantik sebagai seorang Juruteknik Peralatan pada tahun 1995 dengan gaji bulanan sebanyak RM600. Sejak tarikh tersebut beliau telah berkhidmat dengan pihak perayu dan
B masih memegang jawatan yang sama.

[3] Pada 20 Januari 2003 semasa responden bekerja beliau berasa pening akibat tekanan darah tinggi. Beliau telah berjumpa dengan doktor penal dan disebabkan doktor berkenaan tidak memberi cuti sakit beliau telah balik ke pejabatnya dan memohon
C cuti tahunan. Cuti tersebut telah diluluskan oleh pihak perayu dan responden telah balik ke rumah pada hari tersebut. Pada waktu tengahari beliau telah pergi ke Ipoh untuk menunaikan sembahyang bagi anaknya sempena hari Thaipusam. Semasa beliau berada di Ipoh responden telah berasa tidak sihat telah berjumpa
D dengan doktor di Klinik Kesihatan Greentown, Ipoh, Perak (iaitu Hospital Besar Ipoh, Perak) yang bukan panel pihak perayu.

[4] Beliau telah mendapat cuti sakit selama dua hari iaitu pada 21 dan 22 Januari 2003.

E

[5] Selepas memperolehi cuti sakit tersebut responden telah memaklumkan kepada penyelia beliau, En. Elango. Responden telah balik bekerja pada 23 Januari 2003 dan menyerahkan salinan cuti sakit berkenaan kepada ketua jabatan beliau yang bernama Encik
F Mugnam.

[6] Responden telah menerima gaji bulanannya pada bulan Februari 2003 dan mendapati perayu telah memotong gajinya sebanyak RM92.86 bagi dua hari dimana responden telah
G mengambil cuti sakit, kerana cuti sakit berkenaan bukan dari panel klinik yang dilantik oleh syarikat.

[7] Responden tidak berpuashati lalu melaporkan perkara ini ke Pejabat Buruh Taiping.

H **[8]** Pegawai Tenaga Kerja, Jabatan Tenaga Kerja Taiping yang mendengar aduan ini telah memutuskan:

1. Pengadu adalah merupakan seorang pekerja di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265) seperti yang tercatat dalam Jadual Pertama.

I

2. Pengadu sakit ketika beliau berada di luar kawasan semasa bercuti tahun.

3. Pengadu telah mendapat cuti sakit dari klinik kerajaan yang bukan panel yang dilantik oleh syarikat

4. Exhibit D1 hingga D5 yang dikemukakan oleh defendan adalah merupakan peraturan syarikat.

5. Peraturan yang dibuat ini bertentangan dengan seksyen 60D (Mahkamah: Saya percaya seksyen yang betul ialah 60F) Akta Kerja 1955 (Akta 265) kerana tiada mana-mana bahagian dalam seksyen ini yang menyatakan bahawa pekerja dikehendaki menulis surat bagi mendapatkan cuti sakit berbayar.

   Berdasarkan alasan-alasan tersebut perintah telah dikeluarkan bahawa Pihak Kena Tuntut diperintahkan membayar kepada pengadu bayaran cuti sebanyak RM92.86 sebagaimana yang dituntut.

[9] Tidak berpuashati dengan keputusan tersebut, perayu mengemukakan rayuannya ke mahkamah ini.

Isu Dalam Rayuan

[10] Rayuan ini berdasarkan kepada satu isu sahaja iaitu adakah peraturan di bawah 'policy and procedure on medical leave' syarikat iaitu exh. D1 yang berbunyi:

> Medical leave From Non Panel Clinic
>
> Having regard to the nature or circumstances of the illness where the services of the company's appointed panel clinic are not obtained within a reasonable time or distance, the employee may seek medical attention and treatment from any registered medical practitioner or from any Government medical officer. In such cases the company will reimbursed the employee against receipted bills for the cost of treatment and medicine.
>
> Since the company has appointed adequate panel clinics for the convenience of all employee to seek medical attention of treatment, any medical leave and/or receipted bills from non-panel clinic will only be considered if the employee provides a written explanation or reason as to why he seek such medical attention or treatment from the non-panel clinic. The company will reject any unsatisfactionary explanations and appropriate disciplinary action will be taken against him.

bertentangan dengan peruntukan dibawah s. 60F(1)(b) Employment Act (selepas ini Akta) yang memperuntukkan:

A 60F(1) An employee shall, after examination at the expense of the employer

(a) ...

(b) If no such medical practitioner is appointed or, if having
B regard to the nature or circumstances of the illness, the services of the medical practitioner so appointed are not obtainable within a reasonable time or distance, by any other registered medical practitioner or by a medical officer,

be entitled to paid sick leave.

C

Rumusan

[11] Adalah tidak dipertikaikan cuti sakit (exh. 3) yang diambil oleh responden adalah dari klinik bukan panel.

D **[12]** Perayu menolak cuti sakit ini bukan kerana cuti sakit tersebut dikeluarkan oleh klinik bukan panel tetapi kerana kegagalan responden memberikan penjelasan bertulis mengapa rawatan atau cuti sakit di perolehi dari klinik bukan panel berdasarkan polisi syarikat (exh. D1) yang menyatakan:

E

... any medical leave and/or receipted bills from non-panel clinic will only be considered if the **employee provided a written explanation** or reason as to why he seen such medical attention or treatment from non-panel clinic ...

F **[13]** Walaupun dalam keterangannya responden mengatakan beliau tidak tahu akan keperluan mengemukakan surat penjelasan tersebut beliau bagaimanapun mengakui bahawa beliau telah diminta memberikan surat penjelasan ke atas surat cuti sakit tersebut seperti mana keterangan responden ketika disoalbalas:

G

Adakah En. Rashid beritahu suruh buat surat?

Ya! ... pada peringkat awal, tetapi tidak perlu kemudiannya.

[m/s 20 Rekod Rayuan]

H

...

En. Rashid ada minta anda buat surat akuan daripada bukan panel?

Ya, tetapi saya menolaknya.

I

Disebabkan tidak menulis surat untuk cuti 2 hari cuti sakit itu syarikat tidak membayar gaji? (angguk)

[m/s 21 rekod Rayuan]

[14] En. Noor Rashid bin Hamid, Pegawai Perhubungan Sumber Manusia bagi pihak perayu mengatakan:

> Pengadu tidak mahu memberikan penjelasan secara bertulis. Walaupun saya sudah memohon daripada beliau secara lisan dan memberikan sebab-sebab kenapa dia perlu memberikan penjelasan bertulis.
>
> [m/s 25 Rekod Rayuan].

[15] Oleh itu adalah jelas perayu menolak sijil cuti sakit responden bukan kerana cuti sakit tersebut dikeluarkan oleh Hospital Kerajaan tetapi kerana keengganan responden memberikan penjelasan bertulis akan alasan mengapa beliau mengambil cuti sakit dari klinik bukan panel.

[16] Tanpa penjelasan bertulis dari responden perayu tidak akan mengetahui apakah 'jenis atau keadaan kesakitan' responden dan mengapa responden tidak mendapatkan khidmat dari klinik panel seperti kehendak s. 60F(1)(b) serta menyebabkan perayu tidak dapat mempertimbangkan pembayaran gaji bagi kedua-dua hari tersebut.

[17] Saya berpuashati bahawa adalah menjadi amalan perayu bagi mendapat surat penjelasan sekiranya cuti sakit dikeluarkan oleh klinik bukan panel berdasarkan keterangan di exh. D5 (a-e) (di m/s 79-96 rekod rayuan) iaitu surat penjelasan dari lain-lain pekerja dan arahan ini dipatuhi oleh lain-lain pekerja.

[18] Oleh kerana perayu tidak meluluskan cuti sakit bergaji bagi kedua-dua hari tersebut, bermakna responden tidak berhak menerima gaji bagi dua hari cuti sakit itu.

[19] Gaji bagi dua hari yang telah dibayar kepada responden melalui gaji bulan Januari 2003 (yang telah disediakan lebih awal) adalah merupakan 'overpayment' yang boleh diperolehi semula (recouped) secara potongan dari gaji bulan Februari 2003.

[20] 'Wages' di dalam s. 2(1) Akta yang sama didefinasikan sebagai:

> "wages" means basic wages and all other payments in cash payable to employee for work done in respect of his contract of service ...

[21] Dari definasi ini adalah jelas bahawa gaji adalah bayaran untuk kerja yang dilakukan (work done). Dalam kes ini responden tidak melakukan kerja pada dua hari tersebut kerana cuti sakit bergaji bagi dua hari itu tidak dibenarkan oleh perayu. Oleh yang demikian responden tidak berhak untuk gaji dua hari itu.

[22] Seksyen 24(1) Akta yang sama memperuntukan:

> No deductions shall be made by an employer from the wages of an employee otherwise than in accordance with this Act.

[23] Memandangkan definasi 'wages' adalah 'payable for work done', bayaran balik untuk dua hari gaji bukanlah potongan gaji bagi 21 Januari 2003 dan 22 Januari 2003 kerana tiada gaji yang terakru untuk dua hari tersebut.

[24] Potongan yang dibuat adalah merupakan kutipan balik bayaran lebihan (recoupment) yang dibayar untuk dua hari dimana responden tidak melakukan kerja ('no work done'). Ini selaras dengan peruntukan s. 24(2)(a) Akta yang sama yang berbunyi:

> It shall be lawful for an employer to make the following deductions.
>
> (a) deductions to the extent of any overpayment of wages made during the immediately preceding three months from the month in which deductions are to be made, by the employer to the employee by the employer's mistake.

[25] Kutipan gaji dua hari ini adalah kutipan balik untuk 'overpayment' yang berlaku dalam tiga bulan sebelum potongan tersebut.

[26] Peguam responden telah merujuk kepada kes-kes berikut:

Kuala Lumpur Kepong Bhd v. Subramaniam Sinnappan & Ors [1998] 5 CLJ 338, *M/s Viking Askim Sdn. Bhd v. National Union of Employees in Companies Manufacturing Rubber Products & Anor* [1991] 1 CLJ 552; [1991] 3 CLJ (Rep) 195 dan *Asia Motor Co. (KL) Sdn. Bhd v. Ram Raj & Anor* [1985] 1 LNS 34, untuk menunjukkan majikan tidak dibenarkan memotong gaji pekerja kerana mengambil cuti sakit. Bagaimanapun mahkamah ini memutuskan bahawa kes-kes ini adalah tidak relevan kerana kes-kes tersebut merujuk kepada 'work done'.

[27] Mahkamah ini juga memutuskan bahawa s. 60F(1)(b) Akta tidak mengecualikan klinik kerajaan, melainkan klinik kerajaan dilantik sebagai doctor panel (yang mana dalam kes ini tidak). Tambahan pula isu disini ialah tiada penjelasan mengapa responden mengambil cuti sakit dari klinik bukan panel, Sekiranya ada penjelasan bertulis dari responden ada kemungkinan cuti sakit ini akan diterima.

[28] Peguam responden berhujah bahawa perayu hanya boleh mengeluarkan surat tunjuk sebab dan bukan memotong gaji responden.

[29] Pada pendapat mahkamah terpulang kepada perayu sama ada hendak mengambil tindakan tunjuk sebab ataupun memotong gaji. Surat tunjuk sebab adalah lebih serius dari potong gaji. Pihak perayu ada meminta responden memberikan penjelasan bertulis tetapi responden yang enggan memberitahunya. Oleh itu pihak perayu tidak boleh dipersalahkan.

Kesimpulan

[30] Saya berpuashati bahawa 'policy and procedure on medical leave' seperti yang terkandung dalam exh. D1 tidak bertentangan dengan s. 60F(1)(b) Akta. Saya dapati kehendak exh. D1 adalah selari dengan peruntukan seksyen tersebut. Tanpa surat penjelasan dari responden adalah sukar untuk pihak perayu memutuskan 'nature or circumstances of the illness' sehingga tidak memungkinkan responden untuk mendapatkan rawatan dari klinik panel 'within a reasonable time or distance'.

[31] Dengan ini rayuan pihak defendan dibenarkan dengan kos.